



AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

26 Januari 2023

SITUASI SEMASA

Pusat Pemindahan Sementara

Sehingga jam 4.00 petang, 26 Januari 2023, terdapat empat (4) negeri terkesan banjir di mana 14 daerah di negeri Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak kini terjejas. Seramai 12166 orang mangsa daripada 3791 Ketua Isi Rumah (KIR) direkodkan berada di 86 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Aras Air Sungai & Amaran Banjir

Sehingga jam 4.00 petang ini terdapat **1** sungai di mana bacaan air berada ditahap **Bahaya** iaitu;

BIL	SUNGAI	NEGERI
1	Sg. Keratong di Jam. Bahau Keratong, Rompin	Pahang

Terdapat **1** sungai di mana bacaan air berada ditahap **Amaran** iaitu;

BIL	SUNGAI	NEGERI
1	Sg. Golok di Rantau Panjang, Pasir Mas	Kelantan

Pada jam 1.30 tengah hari, JPS turut mengeluarkan Notis Kesiapsiagan Kemungkinan Banjir Kilat bagi penduduk Perak Tengah, Hilir Perak, Mersing, Rompin, Kuching, Samarahan, Betong, Miri, Tuaran dan Pitas.

Amaran & Ramalan Cuaca

Berdasarkan analisis model cuaca MET Malaysia, luruhan monsun yang berlaku di rantau negara dijangka berlanjutan sehingga 2 Februari 2023. Keadaan ini berpotensi menghasilkan hujan berterusan di timur Semenanjung dalam tempoh tersebut.

Sehubungan itu, MET Malaysia telah mengemaskini Amaran Hujan Berterusan di kawasan berkenaan berkuat kuasa sehingga 30 Januari 2023. Sementara itu, ribut petir dan hujan lebat berserta angin kencang juga dijangka berlaku di pedalaman dan barat Semenanjung, barat dan tengah Sarawak serta barat Sabah pada sebelah petang dan malam dalam tempoh ramalan. Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora bagi perairan Laut China Selatan berkuat kuasa sehingga 31 Januari 2023.

Pada jam 2 petang, 26 Januari 2023, MET Malaysia telah mengeluarkan Amaran Hujan Berterusan Peringkat WASPADA di mana hujan berterusan dijangka berlaku sehingga 30 Januari 2023 di negeri Kelantan (Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Tanah Merah, Bachok, Machang dan Pasir Puteh), Terengganu, Pahang (Jerantut, Maran, Kuantan, Pekan dan Rompin), Johor (Segamat, Kluang, Mersing, Kulai, Kota Tinggi dan Johor Bahru).

MET Malaysia telah melaporkan setakat ini sebanyak 10 siri Amaran Hujan Berterusan telah dikeluarkan dalam tempoh MTL 2022/2023. Amaran Siri ke-10 yang dikeluarkan pada 17 Januari 2023 masih lagi berkuatkuasa. Sehingga kini, terdapat 3 episod hujan lebat dengan episod hujan lebat ketiga sedang berlaku bermula pada 19 Januari 2023.

Jabatan Kerja Raya (JKR) melaporkan setakat 26 Januari 2023, jam 10.00 pagi, trend secara keseluruhannya sebanyak 13 lokasi kejadian bencana telah berlaku di jalan-jalan persekutuan (5) dan jalan-jalan negeri (8) di negeri Johor (5), Pahang (4) dan Perak (4). Kejadian bencana ini melibatkan banjir (7), cerun runtuh (5) dan jalan mendap (1).

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) melaporkan setakat 25 Januari 2023 jam 11.59 malam, jumlah keseluruhan kejadian tanah runtuh di seluruh negara adalah sebanyak 94 kejadian (data semenjak 19 September 2022) melibatkan negeri Sabah (26), Sarawak (17), Selangor (14), Pahang (13), Terengganu (6), Negeri Sembilan (6), Perak (5), Johor (3), Melaka (2), dan Kelantan (2).

Penyelarasan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Pusat

PKOB Negeri Johor dan Sabah telah diminta untuk bersiap siaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan peningkatan situasi banjir memandangkan ramalan MET Malaysia menjangkakan penumpuan hujan lebat bermula 27 Januari 2023.

PKOB Negeri Johor turut diminta untuk menyelaras bersama agensi-agensi berkaitan di peringkat negeri bagi tujuan penghantaran bekalan makanan kepada penduduk orang asli di beberapa kawasan di daerah Kluang yang telah terputus hubungan. Perbincangan teknikal bersama agensi teknikal JPS Negeri perlu diadakan berhubung keperluan pam bergerak bagi kawasan-kawasan yang dijangka mengalami banjir genang.

Keadaan banjir di Johor dan Sabah masih terkawal berdasarkan kepada maklumbalas daripada JPBN kedua-dua buah negeri.

Berikutan ramalan cuaca MET Malaysia, dijangka akan berlaku pertambahan mangsa di PPS oleh itu PKOB Pusat telah mengarahkan JKM untuk memastikan bekalan makanan dan barangas asas di PPS sentiasa mencukupi.

Semua PKOB Negeri telah diminta untuk menyegerakan verifikasi senarai nama Ketua Isi Rumah (KIR) penerima Bantuan Wang Ihsan (BWI) (penerimaan BWI adalah sekali sahaja dalam tempoh tiga bulan sekiranya bencana berulang). Penyelarasan proses pemberian BWI perlu disegerakan bagi mengelakkan kelewatan penerimaan bantuan ini.

Rujukan Maklumat Bencana

Bagi mangsa yang memerlukan bantuan kecemasan diminta terus menghubungi talian **999** untuk tindakan lanjut pihak berkuasa. Bagi penduduk yang berada di kawasan terdedah kepada banjir sila patuh arahan pihak berkuasa dan berpindah awal sebelum keadaan menjadi bertambah buruk sesuai dengan amaran hujan berterusan peringkat bahaya oleh METMalaysia. Mohon pantau pergerakan keluarga di kawasan banjir bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku kepada keluarga masing-masing.

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah memberi peringatan kepada penduduk-penduduk yang berada di kawasan *hotspot tanah* runtuh yang mengalami hujan lebat yang berterusan agar sentiasa peka dengan keadaan sekeliling dan waspada terhadap tanda-tanda berlakunya ancaman tanah runtuh di kawasan kediaman masing-masing. Langkah kewaspadaan ini perlu dikekalkan dalam tempoh 2 hingga 3 hari walaupun selepas hujan berterusan telah berhenti disebabkan keadaan tanah yang telah berlaku/mengalami peresapan air sebelumnya boleh mencetuskan terjadinya tanah runtuh terutamanya di lereng-lereng bukit yang curam yang berkecerunan 25° ke atas.

Sebagai kesiapsiagaan menghadapi banjir, sila rujuk maklumat dan amaran semasa melalui laman web <http://publicinfobanjir.water.gov.my>, facebook: **PublicInfoBanjir** dan twitter **@JPS InfoBanjir**. Bagi maklumat cuaca, orang ramai boleh muat turun aplikasi **myCuaca** di Google Play dan App Store untuk maklumat cuaca yang terkini dan sahih dari MET Malaysia.

Bagi mendapatkan info mengenai Pusat Pemindahan Sementara (PPS), orang ramai boleh muat turun aplikasi **InfoBencanaJKM** di Google Play dan App Store untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai PPS di seluruh negara.

Pengguna jalan raya diminta untuk sentiasa peka dengan amaran dan rujuk maklumat bencana sebelum memulakan perjalanan. Untuk makluman dan pertanyaan, orang ramai boleh hubungi Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) JKR di talian **03-26107727** atau rujuk laman web <http://bencanaalam.jkr.gov.my> atau twitter **@CSFJ_JKR**.


Peka amaran bencana agar sentiasa bersiapsiaga. Pastikan anda rujuk maklumat terkini dari sumber yang sahih.

Kesiapsiagaan Bencana Tanggungjawab Bersama
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat

MAKLUMAT TAMBAHAN



LAPORAN TERKINI KEJADIAN BENCANA DI SELURUH NEGARA (pada jam 4:00 PM, 26 Januari 2023)



INDIKATOR
■ 1 - 499 Mangsa
■ 500 - 999 Mangsa
■ Melebihi 1000 Mangsa

MAKLUMAT KESELURUHAN MANGSA DAN KELUARGA

Bil. Keluarga Keseluruhan : 3791 Bil. Keseluruhan Negeri : 4 Negeri
Bil. Mangsa Keseluruhan : 12166 Bil. Keseluruhan Daerah : 14 Daerah Akid

NOTIS KESIAPSIAGAAN OPERASI BENCANA



JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER ALAM, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKHLAS



Amaran Hujan Berterusan
(Waspada)

Tarikh dikeluarkan:
1:00 petang, 26 Januari 2023

WASPADA: Hujan berterusan dijangka berlaku sehingga 30 Januari 2023
Ketamian (Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Terengganu, Badak, Machang dan Pasir Putih) • Terengganu • Pahang
Serian, Maran, Keantan, Pelan dan Simpang • Johor (Segamat, Kluang, Menting, Kulai, Kota Tinggi dan Johor
Baru)

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) pada 14:00 tengah hari, 26 Januari 2023 telah mengeluarkan Amaran Hujan Berterusan Waspada (Kuning) seperti yang dipaparkan di atas.



JABATAN PENGAIRIAN DAN SALIRAN MALAYSIA

DAIJAH SIRKIP, KULL ALAMAKHOTAR DAN PERUBAHAN ILMU

NOTIS KESIAPSIAGAAN KEMUNGKINAN BANJIR KILAT (DALAM TEMPOH 12 JAM)

Dikeluarkan pada 26 Januari 2023; 1:30 tengah hari

Dikeluarkan oleh:

Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN)

Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia

No. Rujukan: JPS-NOTIS KESIAPSIAGAAN-26012023-1330

Berdasarkan maklumat ramalan hujan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, sistem Southeastern Asia-Oceania Flash Flood Guidance System (SAOFFGS) dan model ramalan banjir JPS Malaysia, terdapat risiko kejadian banjir kilat di beberapa lokasi sekitarannya hujan lebat/ribut petir yang signifikan berlaku. Berikut adalah senarai kawasan yang berisiko banjir kilat:

PRABN PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

LOKASI 'HOTSPOT' YANG BERISIKO BANJIR KILAT

Negeri	Daerah	Lokasi 'Hotspot' Yang Berisiko Banjir Kilat Di Kawasan Berikut:
Perak	Perak Tengah	Mukim Pasir Salak, Mukim Pasir Panjang Hulu, Mukim Layang-Layang serta kawasan sekitarnya
	Hilir Perak	Mukim Changkat Jong, Mukim Durian Sebatang serta kawasan sekitarnya
Johor	Mersing	Mukim Triang, Mukim Padang Endau serta kawasan sekitarnya
Pahang	Rompin	Bandar Endau, Mukim Pontian, Mukim Endau serta kawasan sekitarnya
	Bahagian Kuching	Jalan Laksamana Cheng Ho, Taman Bong Chin, SK Batu Lintang, Lrg Kapor 10, Ulu Maong, Happy Valley, Taman Evergreen, Simpang Menuju ke Capital Garden, Jalan Burung Durian, Jalan Arang, Kompleks Sukan Jalan Green, Central Park, SMK Batu Lintang, Jalan Batu Kawa, Desa Wira, Kg. Gila, Hospital Umum Sarawak, Jalan Batu Lintang, Jalan Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan, Kawasan perumahan RPR Batu Kawa serta kawasan sekitarnya
	Bahagian Samarahan	Kg. Mang, Taman Residen, SK Muara Tuang, Kg. Tanjung Bündig, Taman Uni Garden, SK. Muara Tuang, Kawasan Muara Tuang III, Kg. Empila, Kg. Tanjung Parang, Kg. Bangka Semong, Kg. Nulp serta kawasan sekitarnya
	Bahagian Belong	Kg. Pusa, Kg. Beladin serta kawasan sekitarnya
Sarawak	Bahagian Miri	Kg. Pujut Tanjung Batu, Kawasan Jalan Datuk Edward Jeli, Jalan Miri-Pujut, Jalan Miri-Piasau serta kawasan sekitarnya
	Tuaran	Pekan Tenghilan, Kg. Berungis serta kawasan sekitarnya
	Pitas	Kg. Tambildon serta kawasan sekitarnya
PRABN PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA		No. Rujukan: JPS-NOTIS KESIAPSIAGAAN-26012023-1330

RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN



RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN



Berdasarkan analisis model-model cuaca, luruhan monsun yang berlaku di rantau negara dijangka sehingga 2 Februari 2023. Keadaan ini berpotensi menghasilkan hujan berterusan di timur Semenanjung dalam tempoh tersebut. Sehubungan itu, MET Malaysia telah mengemaskini Amaran Hujan Berterusan di kawasan berkenaan berkuat kuasa sehingga 30 Januari 2023.

Sementara itu, ribut petir dan hujan lebat berserta angin kencang juga dijangka berlaku di pedalaman dan barat Semenanjung, barat dan tengah Sarawak serta barat Sabah pada sebelah petang dan malam dalam tempoh ramalan.

Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora bagi perairan Laut China Selatan berkuat kuasa sehingga 31 Januari 2023.

Orang awam adalah dinasihatkan untuk sentiasa merujuk laman web www.met.gov.my dan semua media sosial serta memuat turun aplikasi **myCuaca** bagi maklumat yang terkini dan sahih.

Dikemas kini : 26 Januari 2023, pada 2:30 petang

